

05/02/1999

Kemasukan pelajar asing dijangka meningkat

LANGKAWI, Khamis - Kemasukan pelajar asing ke institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini dijangka meningkat sekali ganda menjelang akhir tahun ini, berbanding kira-kira 13,000 pelajar sekarang.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, berkata ini berikutan kelonggaran syarat permohonan visa bagi pelajar asing yang berkuatkuasa 15 Januari lalu.

Menurutnya, kelonggaran yang disifatkan lebih sistematik itu dibuat kerana kerajaan melihatnya sebagai satu usaha untuk menarik lebih ramai pelajar asing menuntut di negara ini.

"Sebagai contoh, kita lihat England dan Australia yang bermula macam ini juga (memperudahkan permohonan visa untuk pelajar).

"Sekarang mereka cemerlang (sebagai pusat pendidikan utama dunia) dan kita berharap usaha ini dapat meningkatkan kemasukan pelajar asing sekali ganda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika menghadiri jamuan malam sempena Aidilfitri di Kompleks Perumahan Kakitangan Jabatan Imigresen Langkawi di Tanjung Rhu, di sini, malam tadi.

Aseh bagaimanapun menegaskan aspek penguatkuasaan tetap tidak akan diabaikan walaupun Imigresen mempermudah banyak peraturan berkaitan jabatan itu.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan kelonggaran itu sebelum ini berkata ia selaras usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Menerusi peraturan baru itu, pelajar asing tidak perlu memohon visa perjalanan di pejabat kedutaan Malaysia di negara asal mereka sebaliknya ia boleh diuruskan apabila sampai ke negara ini oleh institusi yang menawarkan tempat pengajian.

Peraturan itu turut memberi kelonggaran kepada ibu bapa atau penjaga pelajar asing untuk tinggal di negara ini bagi tempoh enam bulan tanpa memerlukan visa dan boleh keluar masuk bila-bila masa.

Aseh juga berkata, beberapa langkah sudah diambil bagi merealisasikan hasrat menjadikan jabatan itu yang terbaik di dunia, termasuk memberi khidmat terbaik kepada pelanggan.

Menurutnya, selain memerlukan layanan mesra daripada rakyat Malaysia, kakitangan Imigresen sedia memberikan senyuman kepada pelancong sama ada ketika masuk atau keluar negara ini.

Atas kesedaran itu, katanya, kempen khidmat dengan senyum dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 9 Januari lalu.

(END)